



Aspek Tekstual dalam Wacana Buku Panduan Pelajar MARA-Japan Industrial Institute (MJII)

Textual Aspects in The Discourse of MARA-Japan Industrial Institute (MJII)

Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya^{1*}, Wan Buanan Wan Hussain², & Rohaidah Haron³

¹²Bahagian Pendidikan Menengah MARA di bandar Kuala Lumpur dengan alamat Tingkat 19 dan 20, Ibu Pejabat MARA, No. 21, Jalan Mara, 50609 Kuala Lumpur, Malaysia.

³Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

¹*Corresponding author: shahrolnizam.yahya@mara.gov.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.15.2025>

Abstract

Thus, this study will focus on the lexical use of 'Japan' as a key word in the discourse of the Mara-Japan Industrial Institute (BPMJI) Student Handbook. Mara-Japan Industrial Institute (MJII) is a Technical and Vocational Education and Training (TVET) institution under Mara that was established in 2008. MJII has established cooperation with the Japanese government, especially offering diploma level studies in the field of TVET. Thus this study focuses on one of the aspects contained in the theory of critical discourse analysis advanced by Fairclough (1995), which is textual, specifically the compilation of key words contained in the Mara-Japan Industrial Institute (BPMJI) Student Handbook. Based on the analysis of the research data, there are five lexical about keywords related to Japan. The compilation of Japanese lexical items in this guidebook is important to explain to MJII graduates so that they can apply the work culture of Japanese society upon graduation. This study leaves significant implications for the reader in understanding the lexical use of 'Japanese' as in the knowledge of critical discourse analysis should be given attention as a link to the keyword sculpting textuials contained in the MJII Handbook. This study has its own novelty that can attract readers to read this study, especially in terms of the study findings.

Keywords: BPMJI discourse, Japanese, keywords, lexical, textual

Abstrak

Kajian ini akan memfokuskan pemanfaatan leksikal 'Jepun' sebagai kata kunci yang digembleng dalam wacana Buku Panduan Pelajar Mara-Japan Industrial Institute (BPMJI). Mara-Japan Industrial Institute (MJII) merupakan sebuah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah Mara yang ditubuhkan pada tahun 2008. MJII telah menjalin kerjasama dengan kerajaan Jepun, khususnya menawarkan pengajian di peringkat diploma dalam bidang TVET. Justeru kajian ini menumpukan satu daripada aspek yang terkandung dalam teori analisis wacana kritis yang dimajukan oleh Fairclough (1995), iaitu tekstual, khususnya penggemblengan kata kunci yang terkandung dalam Buku Panduan Pelajar Mara-Japan Industrial Institute (BPMJI). Berdasarkan analisis terhadap data kajian, terdapat lima leksikal tentang kata kunci berkaitan Jepun. Penggemblengan leksikal Jepun dalam buku panduan ini adalah penting untuk dijelaskan kepada para graduan MJII agar mereka dapat menerapkan budaya kerja masyarakat Jepun apabila tamat pengajian. Kajian ini meninggalkan implikasi yang signifikan kepada pembaca dalam memahami pemanfaatan leksikal 'Jepun' kerana ilmu analisis wacana kritis perlu diberi perhatian sebagai tautan kepada tekstual, khususnya penggemblengan kata kunci dalam Buku Panduan MJII. Kajian ini mempunyai kebaruan tersendiri yang boleh menarik minat pembaca untuk membaca kajian ini, khususnya dari segi dapatan kajian.



Kata Kunci: Jepun, kata kunci, leksikal, tekstual, wacana BPMJI

Pengenalan

Wacana atau *discourse* sangat menarik untuk dikaji kerana sifatnya yang melebihi batas ayat. Menurut Idris Aman dan Kamila Ghazali (2016, p.1), wacana ialah unit bahasa yang sememangnya dimanfaatkan dalam kehidupan seharian manusia mengikut konteks dan situasi tertentu. Sejajar dengan itu, wacana memperlihatkan cara bahasa berfungsi dan digunakan oleh masyarakat dalam segala urusan kehidupan seharian. Menurut Nik Safiah Karim et.al (2010, p.523), wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, dialog, bab, buku, siri buku dan sebagainya. Menurut *Oxford Concise Dictionary of Linguistics* (2014, p.108), wacana dapat ditakrifkan sebagai, *Any coherent succession of sentences, spoken or (in most usage) written*. Menurut *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*, wacana ialah aturan ayat yang berstruktur dan koheren sama ada secara lisan atau bertulis. Berdasarkan takrifan tersebut, wacana merupakan kesatuan fikiran yang lengkap dalam bentuk lisan dan tulisan.

Sorotan Kajian

Mohammad Fadzeli Jaafar (2012) dalam kajiannya tentang aspek tekstual telah memanfaatkan teks Melayu Klasik Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin karya Abdul Rauf Singkil. Dengan mengaplikasikan kerangka nahu fungsian oleh Halliday (1994), kajian ini memfokuskan aspek tekstual berdasarkan unsur struktural dan pautan. Dapatan kajian ini mendapati teks Melayu klasik ini masih mengekalkan kata sebagai permulaan topik seperti 'al kisah', manakala dari segi struktur teks ini menggunakan ayat kompleks dengan pemanfaatan 'dan' sebagai pengaruh bahasa Arab.

Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim dan Nor Azuwan Yaakob (2018) dalam kajian tentang aspek tekstual telah memfokuskan iklan yang menampilkan selebriti sebagai endorser produk yang ingin dipromosikan. Dengan berpandukan wacana kritis yang dimajukan oleh Fairclough (1995), kajian ini menegenahkan selebriti Ayda Jebat sebagai subjek kajian atas faktor kejayaan beliau meningkatkan prestasi diri dan populariti di dalam dan juga di luar negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa dimensi tekstual sangat mempengaruhi pengiklanan sesuatu produk sama ada daripada aspek kosa kata, leksikal mahupun kohesi.

Idris Aman dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2018) dalam kajian tentang aspek tekstual telah memberi tumpuan tentang lakuan bahasa dalam perbilangan yang mempresentasikan mesej, adat, aturan dan nilai dalam masyarakat Negeri Sembilan. Kajian ini berdasarkan pendekatan analisis dalaman teks yang meliputi organisasi seluruh teks, kombinasi klausa, perihalan pilihan klausa dan sifat perbilangan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perbilangan ialah bentuk lakuan bahasa yang unik kerana ciri tekstualnya yang pelbagai serta membezakannya daripada jenis lakuan bahasa ataupun puisi Melayu yang lain.

Norhafizah Abdul Jobar, Normarini Norzan dan Nur Farakhanna Muhd Rusli (2019) turut memfokuskan aspek tekstual dalam kajian mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis komponen tekstual dalam karangan pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian ini menunjukkan pemanfaatan komponen penanda wacana musabab telah diaplikasikan dalam unit perenggan pendahuluan, isi dan penutup yang menjustifikasikan penulisan yang koheren selain dapat memberi impak terhadap kaedah pengajaran bahasa Melayu.

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Eizah Mat Hussain dan Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi (2021) dalam kajian tentang aspek tekstual telah memanfaatkan manuskrip Melayu berkaitan beberapa bukti tekstual tentang ubat bedil. Dapatan kajian ini mendapati langkah-langkah untuk membuat ubat bedil secara keseluruhan sehingga siap digunakan belum ditemukan sehingga kini. Hanya ramuan ubat bedil sahaja yang diketahui.



Metodologi

Kajian ini akan mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif memberi tumpuan kepada akibat pelaziman keadaan luaran, cara analisis penghuraian, pencerapan peserta, mengkaji konstruk personal dan kajian kes (Othman Mohamed, 2001). Menurut Sabitha Marican (2009), pendekatan kualitatif memberi fokus terhadap proses dan dapatan kajian yang selalunya dipersembahkan dalam bahasa harian serta tidak bergantung pada nombor atau perkiraan statistik dalam memberikan penghuraian terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Kajian ini bermula dengan membuat perancangan awal tentang bidang yang akan dikaji. Setelah menetapkan bidang analisis wacana, pengkaji menetapkan pula bahan yang hendak dikaji, iaitu wacana BPMJI. Penelitian terhadap data kajian, iaitu BPMJI dimulakan dengan memuat turun buku panduan tersebut dalam bentuk PDF dan membaca perenggan demi perenggan, ayat demi ayat dan akhir sekali meneliti perkataan demi perkataan. Hasil pembacaan terhadap BPMJI, pengkaji telah mengenal pasti 5 data yang dapat dikaitkan dengan kata kunci Jepun.

Teori Kajian

Kajian ini akan dipandu oleh teori analisis wacana kritis (Fairclough, 1989). Sebagai pendukung kepada analisis wacana kritis, Fairclough (1989) telah memperkenalkan pendekatan wacana kritis yang merangkumi penerangan (*description*), penafsiran (*interpretation*). Penerangan merupakan dimensi pertama yang berkaitan analisis tekstual, manakala dimensi kedua, iaitu penafsiran melibatkan hubungan antara teks dengan interaksi teks seperti cara penghasilan, penggunaan atau penyebaran teks dan dimensi ketiga melibatkan hubungan teks dengan interaksi sosial (Fairclough, 1989). Menurut Fairclough (1995), analisis teks termasuk dalam bidang analisis wacana kritis yang merangkumi kaedah yang terdapat dalam linguistik (fonetik, fonologi, tatabahasa, semantik dan leksikologi), pragmatik, gaya, sosiolinguistik, analisis hujah, kritikan sastera, antropologi, analisis perbualan dan sebagainya.

Seterusnya, analisis praktis wacana menurut Fairclough (1995) pula berkaitan sosiokognitif, iaitu aspek pengeluaran dan penafsiran teks. Teks yang dibentuk merupakan gabungan pelbagai jenis genre dan wacana atau dikenali sebagai intertekstualiti dan interdiskursiviti. Sebagai contoh, konsep interdiskursiviti mempunyai kaitan rapat dengan intertekstualiti. Dalam dimensi kedua ini, Fairclough (1995) menganggap wacana praktis merupakan penghasilan wacana yang dapat menyorot sejarah sesuatu teks dalam mengubah masa lalu (Fairclough, 1995). Akhir sekali, dimensi ketiga dalam analisis wacana kritis ialah praktis sosial. Menurut Fairclough (1995), dimensi praktis sosial memberi tumpuan pada politik, peristiwa diskursif dalam hubungan kuasa dan penguasaan.

Menurut Fairclough (1995, p.419), analisis tekstual merupakan analisis tahap mikro yang menjadi sumber atau dasar kepada hubungan dan corak dalam teks serta dapat dikaitkan dengan perbincangan sosial yang lebih luas sama ada politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan sebagainya. Hal ini demikian kerana penerangan tentang unsur tekstual perlu diberi perhatian dalam menafsir hubungan antara teks dan interaksi dan seterusnya antara interaksi dengan konteks sosial (Fairclough, 1989, p.90). Sehubungan dengan itu, perbincangan selanjutnya dalam dapatan kajian ini hanya akan memfokuskan kepada dimensi tekstual tentang kata kunci. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005) kata kunci ialah sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat, misalnya tentang kewujudan, alam, realiti dan kehidupan. Menurut *The Cambridge Dictionary of Linguistics* (2013), kata kunci merupakan leksikal yang wujud dengan lebih kerap dalam teks atau korpus.



Perbincangan dan Kesimpulan

Menurut Kamus Dewan Perdana (2021), Jepun merupakan negara beraja di Asia Timur yang terletak di antara Laut Jepun dengan Lautan Pasifik. Jepun terdiri 3000 buah pulau dengan pulau utamanya Pulau Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu. Dalam wacana BPMJI, kata kunci 'Jepun' telah dikenal pasti sebagai satu daripada aspek tekstual. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi data (1) yang memaparkan kata kunci tersebut yang dapat dikaitkan dengan matlamat penubuhan MJII.

(1) Penubuhan MJII adalah bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan terutama untuk industri berasaskan elektronik selaras dengan sektor industri *Jepun* di Malaysia. Berdasarkan data (1) kerjasama MARA dengan kerajaan Jepun terserlah menerusi penubuhan MJII yang bertujuan untuk meningkatkan keperluan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan yang berasaskan elektronik. Hal ini demikian kerana negara Jepun merupakan sebuah negara yang amat terkenal dengan kemajuan dalam kejuruteraan elektronik dan tidak hairanlah MARA mengadakan kerjasama dengan kerajaan Jepun. Penggembleran kata kunci Jepun dalam data ini menjustifikasikan tentang hasrat pewacana untuk menguar-uarkan kerjasama strategik dengan gergasi teknologi seperti Jepun sekali gus relevan untuk dimanfaatkan dalam wacana BPMJI.

Selanjutnya data (2) juga memanfaatkan kata kunci 'Jepun' sebagai aspek tekstual yang perlu diberi perhatian oleh pelajar-pelajar MJII yang baru mendaftar ke institusi ini. Hal ini dapat diteliti menerusi data berikutnya.

(2) Sahsiah diri, budaya dan cara kerja yang bercirikan identiti masyarakat *Jepun* turut diamalkan di sini bagi melahirkan graduan yang berdaya saing, terlatih, beretika, berinovasi dan memiliki minda kelas pertama.

Menerusi data (2), pewacana sekali lagi menekankan kata kunci Jepun dalam wacana BPMJI. Dalam data ini, pelajar-pelajar baharu yang baru mendaftar masuk ke MJII perlu mempunyai sahsiah diri, budaya dan cara kerja yang bercirikan identiti masyarakat Jepun. Hal ini bagi melahirkan graduan MJII yang dapat berdaya saing, terlatih, beretika, berinovasi serta memiliki minda kelas pertama seperti masyarakat Jepun.

Berikutnya data (3) memaparkan kata kunci Jepun menerusi penggembleran sistem Kouza yang akan diaplikasikan di MJII. Sistem Kuoza merupakan sistem mentor-mentee yang perlu diterapkan di MJII sebagaimana penerapan sistem ini di Jepun dan perihal perkara ini dapat diteliti menerusi data (3).

(3) Sistem Kouza merupakan kombinasi antara program mentor-mentee (akademik) dan sistem homeroom (sosial) yang diterapkan secara berterusan sepanjang tempoh pengajian di MJII. Kumpulan pelajar akan bekerja sama sebagai satu kumpulan supaya wujud semangat kerja secara berkumpulan sebagaimana sikap masyarakat *Jepun* yang suka tolong menolong dapat dipraktikkan oleh pelajar.

Perihal sistem Kuoza yang amat ditekankan di MJII bertitik tolak daripada pelaksanaan sistem ini dalam masyarakat Jepun yang suka tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain. Penegasan kata Jepun yang dikaitkan dengan sistem ini membuktikan bahawa pewacana amat serius untuk pelajar membudayakan amalan kerjasama dan bantu-membantu sepanjang pembelajaran di MJII. Penegasan kata Jepun yang dimanfaatkan dengan sistem Kouza ini membayangkan usaha murni MARA dalam melahirkan graduan yang peka dengan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri.

Dalam data (4) pewacana memaparkan kata kunci Jepun menerusi penggembleran konsep "wa" (harmoni) yang diaplikasikan di MJII. Konsep "wa" yang diterapkan di MJII bagi memastikan



kehidupan pelajar di institusi ini berada dalam suasana harmoni. Hal ini dapat diteliti menerusi data berikutnya.

- (4) Masyarakat *Jepun* mengutamakan konsep “wa” (harmoni) atau keharmonian untuk mengekalkan hubungan baik, saling mempercayai dan kebersamaan antara pelajar dan pensyarah yang berkait rapat dengan sistem Kouza.

Menerusi data (4), pewacana sememangnya jelas menekankan kata kunci *Jepun* dalam wacana BPMJI berkait dengan konsep “wa”. Dalam data ini, pelajar-pelajar baharu yang baru mendaftar di MJII mesti menyemai dan mewujudkan suasana harmoni dalam kehidupan seharian mereka. Hal itu penting kepada semua pelajar dan pihak-pihak yang berada dalam lingkungan institusi ini sebagaimana yang ditekankan dalam kehidupan masyarakat di negara Jepun.

Data terakhir yang dikaji untuk makalah ini ialah data (5) yang mengaitkan dengan matlamat penyediaan program di MJII.

- (5) Matlamat program adalah menyediakan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran industri dalam kejuruteraan elektronik dengan kecenderungan terhadap budaya kerja *Jepun* dan berinspirasi keusahawanan.

Dapatan dalam data (5), jelas menampakkan pewacana berusaha menekankan kata kunci *Jepun* menjelaskan lagi matlamat penubuhan dan penyediaan program-program di institusi itu berteraskan budaya kerja Jepun. Dalam data ini, pewacana dilihat mahu mencapai matlamat mereka melahirkan graduan sebagai guna tenaga kerja mahir yang lengkap dengan pengetahuan berkait bidang TVET sebagai suatu usaha memenuhi keperluan guna tenaga kerja dalam industri khususnya dalam bidang kejuruteraan elektronik di negara ini sebaik mereka memasuki pasaran pekerjaan kelak.

Daripada dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa kata kunci yang tergolong dalam aspek tekstual berupaya untuk menonjolkan matlamat MARA untuk menjalin kerjasama dengan kerajaan Jepun dan seterusnya melahirkan graduan TVET yang mempunyai acuan budaya kerja masyarakat Jepun. Hal ini secara tidak langsung menjustifikasi aspek kata kunci yang diketengahkan oleh pewacana dapat mewujudkan medan makna yang lebih jelas serta memberi pemahaman mendalam kepada pelajar MJII tentang budaya masyarakat Jepun selaras dengan konsep kata kunci yang merupakan perkataan yang wujud dengan lebih kerap dan kewujudannya dapat mempengaruhi fikiran khalayak.

Pernyataan Etika

Dengan ini disahkan bahawa kajian ini tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Pernyataan KRediT Penulis

Makalah ini melibatkan tiga orang penulis dan setiap penulis menyumbang dari segi idea, pendapat, suntungan serta pemikiran dalam menghasilkan makalah yang berkualiti.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.



Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Buku Panduan Pelajar Mara-Japan Industrial Institute*. Beranang: Mara-Japan Industrial Institute.
- Faireclough, Norman. (1989). *Language and power*. Second edition, London: Longman.
- Faireclough, Norman. (1995). *Critical discourse analysis the critical study of language*. New York: Routledge.
- Idris Aman & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2018). Ciri tekstual perbilangan. *Jurnal Bahasa*. 18(1), 1-18.
- Idris Aman & Kamila Ghazali. (2016). *Praktis analisis wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Perdana*. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Analisis komponen tekstual dalam teks Melayu klasik abad ke-17. *Jurnal Bahasa*. 12(2), 163-180.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhafizah Abdul Jobar, Normarini Norzan dan Nur Farakhanna Muhd Rusli. (2019). Analisis tekstual dalam penulisan karangan murid bahasa kedua. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4 (26), 93-103.
- Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim dan Nor Azuwan Yaakob. (2018). Wacana tekstual dalam iklan selebriti. *Jurnal komunikasi*. 34(4), 198-213.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. (2014). Oxford: Oxford University Press.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn. Bhd.
- The Cambridge Dictionary of Linguistics*. (2013). Cambridge: Cambridge University Press.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Eizah Mat Hussain dan Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. (2021). *Jurnal Pengajian Melayu* 32(2), 134-147.